

I-URIP 2025
**INTERNATIONAL UNDERGRADUATE RESEARCH
INNOVATION, INVENTION AND DESIGN**

**UNDERGRADUATES
PIONEERING
TOMORROW'S
BREAKTHROUGH**

E-BOOK OF EXTENDED ABSTRACTS

MANGMOISELLE

Muhammad Khairul Nizam Mohd Rosdi*, Hurien Humaira Akmie Rahimi, Nor Alia
Mustafa Kamal, and Virroshini A/P Vasu

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah,

*khairul040506@gmail.com

ABSTRAK

Projek perniagaan ini bertujuan untuk menangani masalah kulit seperti kulit kering, gatal, dan kulit terbakar akibat sinaran UV matahari. Keunikan produk ini ialah sebuah inovasi penjagaan kulit yang menggabungkan fungsi skrub, pelembap, dan perlindungan anti-UV secara semula jadi dalam satu produk melalui penggunaan bahan semula jadi seperti serbuk kulit manggis, chamomile, serta minyak pati melati (jasmine essential oil). Produk yang dihasilkan ialah losyen skrub penjagaan kulit berasaskan bahan semula jadi yang dinamakan “Mangmoiselle”. Pemilihan kulit manggis adalah berdasarkan kandungan bioaktifnya yang mempunyai sifat antioksidan dan antibakteria. Chamomile pula dipilih kerana keberkesanannya dalam melembapkan, menenangkan, serta memberi keselesaan kepada kulit. Minyak pati melati berfungsi menyembuhkan luka dengan sifat anti-radang dan mempunyai antiseptik semula jadi yang membantu melawan jangkitan. Matlamat utama projek ini adalah untuk membangunkan formulasi losyen skrub yang selamat, berkesan, dan mesra kulit, serta mampu mengatasi masalah kulit pengguna. Kaedah Design Thinking digunakan dalam pembangunan projek ini yang merangkumi proses mengenal pasti masalah, penjanaan idea, formulasi produk, dan penambahbaikan berterusan berdasarkan maklum balas pengguna. Produk ini akan melalui proses ujian makmal bagi memastikan tahap keselamatan dan kualiti produk terkawal. Cadangan penambahbaikan termasuk pengoptimuman formulasi dengan menyeimbangkan nisbah bahan semula jadi serta penambahan bahan sokongan untuk meningkatkan mutu, kestabilan, dan daya tarikan produk di pasaran.

Kata Kunci: *Losyen Skrub, Kulit Manggis, Chamomile, Minyak Pati Melati, Penjagaan Kulit*

PENDAHULUAN

Industri kosmetik dan penjagaan diri di Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan yang pesat, dipacu oleh kesedaran masyarakat terhadap pentingnya menjaga kesihatan kulit dan penampilan diri. Salah satu produk yang semakin mendapat perhatian adalah **losyen badan dan skrub (body lotion)**, yang bukan sahaja berfungsi untuk melembapkan kulit, tetapi juga berperanan dalam memberi perlindungan terhadap sinaran UV, anti-penuaan, dan memperbaiki masalah kulit lain. Dengan iklim tropika Malaysia yang panas dan lembap, penggunaan produk penjagaan kulit seperti body lotion menjadi satu keperluan harian yang tidak dapat dielakkan.

Melihat kepada permintaan yang semakin meningkat terhadap produk penjagaan kulit yang lebih inovatif dan berkesan, kami memperkenalkan **Mangmoiselle**, sebuah produk losyen skrub badan yang diformulasi dengan bahan semulajadi yang berkesan, iaitu **kulit manggis, chamomile, dan minyak pati melati (jasmine essential oil)**. Produk ini dirumus khas untuk memberikan kelembapan yang mendalam, perlindungan terhadap sinaran UV, serta kesan menenangkan pada kulit, menjadikannya pilihan sempurna untuk mereka yang mencari produk penjagaan kulit yang selamat, berkesan, dan berfungsi pelbagai.

Mangmoiselle bukan sekadar losyen biasa, ia menggabungkan manfaat **kulit manggis**, yang terkenal dengan sifat antioksidan yang tinggi dan kemampuannya untuk memperbaiki tekstur kulit, dengan **chamomile**, yang dikenali dengan kemampuannya untuk menenangkan kulit yang iritasi atau sensitif. Tambahan pula, **minyak pati melati** memberikan aroma yang menenangkan serta manfaat dalam merawat kulit kering dan kusam. Formulasi ini menjadikan **Mangmoiselle** lebih daripada sekadar pelembap harian, tetapi juga sebagai satu rawatan untuk memberi perlindungan dan kecantikan kulit yang berpanjangan.

Pasaran body lotion atau skrub di Malaysia menawarkan potensi yang sangat besar kerana permintaan terhadap produk yang mengandungi bahan semulajadi dan berfungsi pelbagai semakin meningkat. Dengan **trends** seperti **kecantikan bersih (clean beauty)** dan **produk multifungsi**, **Mangmoiselle** hadir untuk memenuhi keperluan pengguna yang semakin bijak memilih produk yang bukan sahaja selamat tetapi juga memberikan manfaat tambahan. Produk ini sesuai dengan kehendak pasaran yang kini lebih mementingkan produk penjagaan kulit yang berkesan, selamat, dan bersih.

Selain itu, dengan fokus pada **mesra alam**, **Mangmoiselle** berpotensi untuk menarik pasaran tempatan dan antarabangsa, khususnya bagi pengguna yang mencari produk mesra kulit, dan bebas bahan kimia berbahaya. Produk ini berpotensi untuk menguasai pasaran melalui saluran **e-dagang** yang semakin berkembang pesat, di mana pengguna kini lebih suka membeli produk secara dalam talian melalui platform seperti Shopee, Lazada, dan TikTok Shop.

Dengan **Mangmoiselle**, kami berhasrat untuk memenuhi kehendak pasaran yang berkembang pesat ini, menyediakan produk yang bukan sahaja menepati keperluan pengguna tetapi juga memberikan penyelesaian yang berkesan bagi masalah kulit dalam kehidupan seharian. Projek ini bukan sahaja menjawab permintaan terhadap produk berkualiti tinggi dan berfungsi pelbagai, tetapi juga membuka peluang bagi pembangunan jenama yang kukuh dan berpotensi berkembang dalam pasaran global.

OBJEKTIF PROJEK

- i. Untuk memperkenalkan Mangmoiselle sebagai losyen semula jadi yang dirumus dengan Serbuk Kulit Manggis, Chamomile, dan Bunga Jasmine.
 - Membawa produk unik berasaskan bahan semula jadi yang memberi manfaat kepada kulit.
- ii. Untuk menghasilkan produk penjagaan kulit yang berkesan.
 - Bukan sahaja memberi kelembapan kepada kulit kering, tetapi juga dapat merawat masalah kulit disamping itu dapat membantu mencerahkan kulit secara semula jadi serta meningkatkan tahap keyakinan diri dengan bau yang menyenangkan dan kulit lebih terjaga.
- iii. Untuk menyerlahkan keharuman semulajadi dan manfaat terapeutik bahan-bahan tersebut.
 - Produk yang selamat digunakan kerana tidak mengandungi bahan kimia berbahaya, berkaya dengan antioksidan, bersifat menyejukkan, dan memberi bau yang lembut serta menyenangkan.

Deskripsi

Masalah kulit seperti kekeringan, gatal, dan kulit gelap sering dihadapi oleh mereka yang terdedah kepada persekitaran panas dan lembap, terutamanya pelajar di asrama atau golongan yang tinggal di kawasan tropika. Masalah ini berlaku disebabkan oleh faktor persekitaran yang boleh mengganggu kesihatan kulit dan menyebabkan ketidakselesaan.

Mangmoiselle adalah losyen skrub premium yang dirumus khas dengan bahan semulajadi seperti kulit manggis, chamomile, dan minyak pati melati. Ia bertujuan untuk melembapkan kulit secara mendalam, memberikan perlindungan daripada sinaran UV, serta mengatasi masalah kulit seperti kekeringan dan keradangan. Losyen ini juga membantu memperbaiki tona kulit dan memberikan kesan menenangkan pada kulit yang jengkel atau rosak, menjadikannya penyelesaian sempurna untuk penjagaan kulit harian, terutama bagi mereka yang menghadapi masalah kulit akibat persekitaran yang tidak stabil.

Novelti

Mangmoiselle menonjol kerana gabungan unik bahan semulajadi seperti kulit manggis, chamomile, dan minyak pati melati, yang terkenal dengan sifat anti-radang, antioksidan, dan menenangkan. Perlindungan UV yang ditawarkan menjadikannya berbeza di pasaran losyen badan, memenuhi keperluan penjagaan kulit dan perlindungan matahari dalam satu produk. Produk ini juga diformulasikan khusus untuk mengatasi masalah kulit yang biasa dihadapi oleh golongan pelajar atau mereka yang tinggal di asrama, di mana masalah kulit kering, gatal, dan ekzema sering berlaku. Selain itu, ia juga sesuai untuk orang dewasa yang mencari alternatif penjagaan kulit yang efektif dengan bahan semulajadi

KESIMPULANNYA

Secara keseluruhan, Mangmoiselle merupakan inovasi losyen scrub badan berasaskan bahan semula jadi yang menekankan aspek keselamatan, keberkesanan, dan kelestarian. Dengan potensi pasaran yang luas serta strategi pemasaran melalui platform e-dagang, produk ini diyakini mampu memenuhi permintaan pengguna sekali gus membina jenama yang kukuh dan berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

PENGAKUAN

Saya bersama ahli kumpulan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA atas sokongan serta pembiayaan penyelidikan ini melalui Skim Geran Penyelidik Muda dengan Kod Projek: DPB50183 Sesi 1: 2025/2026. Bantuan yang diberikan ini amatlah dihargai dan telah menjadi pemangkin utama dalam memastikan kejayaan pelaksanaan projek penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Sharma, R., Bhat, S., Sinha, N., Ghosh, A., & Singh, R. (2023). Pharmacological activities of mangosteen (*Garcinia mangostana* L.): A review. *The Pharma Innovation Journal*, 12(7S), 199–206. <https://www.thepharmajournal.com/archives/2023/vol12issue7S/PartT/S-12-7-199-388.pdf>
- Zhang, Y., Li, J., & Huang, H. (2024). Xanthone derivatives from *Garcinia mangostana* and their biological activities. *Journal of Herbal Medicine*, 45, 100537. <https://doi.org/10.1016/j.hermed.2024.100537>
- Jasmine Ghosh, S., Das, A., Sarkar, S., & Chatterjee, M. (2021). Phytochemical and pharmacological properties of five different species of *Jasminum*: A review. *International Journal of Pharmaceutical Sciences and Research*, 12(11), 1000–1015. <https://www.researchgate.net/publication/356207540>
- Medically reviewed by Amanda Caldwell, MSN, APRN-C — Written by Tom Rush — Updated on September 27, 2024 <https://www.healthline.com/health/beauty-skin-care/chamomile-benefits-for-skin>